

## **BANTUAN KEBAJIKAN SOSIAL PERUBATAN DI BAWAH PERUNTUKAN DANA KHAS**

1) Apakah Bantuan Kebajikan Sosial Perubatan?

Merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan di hospital bersama lain-lain perkhidmatan dimana ianya hanya diberikan kepada kes-kes yang dirujuk oleh doktor pakar.

2) Apakah tujuan Bantuan Kebajikan Sosial Perubatan diadakan?

Tujuannya adalah untuk meringankan beban rakyat Terengganu bagi membayar kos rawatan dan pembelian peralatan perubatan seperti pembelian kaki palsu, ubat-ubatan tertentu, pembiayaan kos perjalanan jika kes dirujuk ke hospital pakar yang lain, kos pembedahan dan pembelian keperluan lain-lain bagi memastikan pesakit mendapat rawatan yang sewajarnya.

3) Dari manakah sumber kewangan diperolehi?

Sumber adalah dari peruntukan khas Kerajaan Persekutuan dimana sebanyak RM10 juta telah diluluskan pada bulan Februari 2007 untuk dibelanjakan selama 5 tahun iaitu dari tahun 2007 sehingga 2011.

4) Apakah justifikasi hospital yang membolehkan permohonan dibuat untuk mendapatkan bantuan ini?

Permohonan untuk mendapatkan bantuan ini boleh dibuat setelah pihak hospital mendapati;

- a. Ubat diperlukan pesakit tidak tersenarai di Kementerian Kesihatan Malaysia
- b. Peralatan untuk rawatan/diperlukan tidak dapat dibeli oleh institusi
- c. Pesakit terpaksa dirujuk ke tempat lain kerana tiada kepakaran / tiada peralatan diagnosis khusus
- d. Tiada kesinambungan rawatan optima

5) Apakah justifikasi pesakit yang membolehkan permohonan dibuat untuk mendapatkan bantuan ini?

Permohonan untuk mendapatkan bantuan ini boleh dibuat sekiranya pesakit terlibat;

- a. Tidak mampu menanggung kos rawatan
- b. Penyakit dihidapi telah menjadi kronik (berpanjangan)
- c. Penyakit berlarutan dan menyebabkan pesakit hilang keupayaan serta membawa kepada implikasi sosial
- d. Pesakit bekerja tanpa prestasi dan selalu bercuti disebabkan penyakit yang dihidapi
- e. Pesakit dirujuk keluar di mana mereka dibebani masalah kewangan bagi pelbagai kos untuk mendapat rawatan

6) Siapakah yang layak memohon bantuan ini?

Mereka yang layak memohon adalah;

- a. Rakyat Terengganu atau ibu/bapa/penjaga/suami/isteri dilahirkan di Terengganu
- b. Pesakit yang dilahirkan di negeri lain tetapi telah menetap di Terengganu lebih dari 10 tahun
- c. Pesakit hendaklah bukan kakitangan kerajaan / pencen
- d. Tidak mempunyai Skim Sara Ubat
- e. Golongan miskin / kurang mampu
- f. Dirujuk oleh Pakar Hospital Kerajaan sahaja
- g. Rawatan dalam Malaysia sahaja kecuali rawatan yang diperlukan telah disahkan tiada dalam Negara Malaysia.

7) Bagaimanakah cara untuk memohon?

Cara untuk memohon ialah;

- a. Dapatkan pengesahan doktor tentang keperluan bantuan
- b. Dapatkan surat rujukan dari pakar untuk berjumpa Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP) di hospital berdekatan
- c. Lengkapkan borang permohonan
- d. Lengkapkan borang pengesahan JKKK dan ADUN dan mesti mendapatkan tandatangan pegawai bertanggungjawab

- e. Mengemukakan resit/sebut harga peralatan yang diperlukan
- f. PKSP menyediakan Laporan Psiko-Sosio
- g. PKSP akan memajukan borang permohonan yang telah lengkap kepada urusetia di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu.

8) Dimanakah borang permohonan dan borang pengesahan JKKK dan ADUN boleh didapati?

Borang-borang tersebut boleh didapati di Jabatan Kerja Sosial Perubatan di semua hospital berhampiran atau boleh *download* dari *website*

9) Apakah langkah-langkah seterusnya setelah borang permohonan diisi?

Setelah borang permohonan diisi, ia hendaklah diserahkan kepada PKSP dan PKSP seterusnya akan melakukan proses-proses seperti berikut;

- a. Temubual dengan pemohon/ahli keluarga
- b. Lawatan ke rumah
- c. Menilai sosio-ekonomi (pendapatan/tanggungan dan lain-lain)
- d. Penyediaan laporan sosio-ekonomi
- e. Memastikan semua borang diisi dengan lengkap dan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan disediakan oleh pemohon.

10) Apakah dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan?

Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah bergantung kepada jenis bantuan yang diminta samada bantuan untuk membeli peralatan/ubatan atau untuk tanggungan kos perjalanan. Contoh-contoh dokumen sokongan adalah seperti salinan kad pengenalan, salinan akaun bank dan lain-lain. PKSP akan memaklumkan dengan lebih lanjut jenis dokumen yang diperlukan bergantung kepada jenis permohonan.

11) Kenapa dokumen-dokumen sokongan ini diperlukan?

Dokumen sokongan diperlukan untuk mempercepatkan proses permohonan dan akan menentukan juga samada permohonan akan diluluskan atau pun tidak kerana;

- a. Dokumen sokongan akan menjadi alat untuk mengukuhkan laporan sosioekonomi

- b. Membuktikan siasatan sosioekonomi yang dilakukan adalah telus dan lengkap
- c. Memberikan keyakinan kepada PKSP, pesakit dan pihak urusetia yang menilai permohonan
- d. Memudahkan pihak ahli jawatankuasa untuk membuat keputusan

12) Bagaimanakah keputusan permohonan dibuat?

Keputusan samada permohonan diluluskan atau pun tidak adalah melalui mesyuarat bulanan ahli jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Terengganu.

Namun begitu ada juga permohonan yang dikategorikan sebagai permohonan SEGERA yang memerlukan keputusan dibuat seberapa segera. Permohonan ini akan dinilai oleh urusetia/setiausaha di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan ianya boleh diluluskan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu.

13) Siapakah ahli jawatankuasa tersebut?

Senarai ahli jawatankuasa adalah seperti berikut;

Pengerusi : YB. Dr. A. Rahman b. Mokhtar

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Terengganu.

Timbalan : Y.B. Dato' Din b. Adam

Pengerusi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Terengganu.

Setiausaha : Ketua Penolong Pengarah (Perubatan)

Penolong : Pembantu Perubatan U32

Setiausaha

Ahli-ahli : Pengarah Kesihatan Negeri

Timbalan Pengarah Kesihatan (Negeri) – 5 orang

Pegawai Kewangan Negeri Terengganu

Penolong SUK- Jawatankuasa Wanita, Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat

Penolong SUK- Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan,  
Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Terengganu  
Penolong Pengarah (Kewangan) Jabatan Kesihatan Negeri

Turut Hadir : Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan, HSNZ

14) Setelah diluluskan, bagaimanakah bantuan ini disalurkan?

Setelah diluluskan, cara bantuan diberikan adalah bergantung kepada jenis permohonan iaitu;

- a. Bantuan kewangan – akan diberikan secara elektronik iaitu jumlah bantuan yang diluluskan akan terus dimasukkan ke dalam akaun pemohon.
- b. Bantuan peralatan / barang keperluan – pemohon akan menerima barang daripada pembekal setelah pembekal menerima bayaran daripada urusetia.